



**TEKS UCAPAN ALUAN OLEH
YANG BERUSAHA
PUAN NOR AZIAH BINTI JAAFAR
PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

**BAGI
MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA
(HASN) 2023
PERINGKAT NEGERI SELANGOR**

**BERTEMPAT DI:
SETIA CITY CONVENTION CENTRE, SHAH ALAM**

Tarikh : 28 Oktober 2023 (Sabtu)

Masa : 10.00 pagi

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

- i. Yang Berhormat Puan Jamaliah binti Jamaluddin
Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Negeri Selangor
- ii. Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. YBhg. Dato' Johary bin Anuar
Timbalan setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
- iv. Yang Berusaha Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Shah Alam
- v. Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat
Pegawai Daerah
Pejabat Daerah & Tanah Petaling
- vi. Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
- vii. Wakil-wakil agensi
- viii. Rakan Strategik Alam Sekitar
- ix. Rakan-rakan media
- x. YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu dalam Majlis Perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2023 Peringkat Negeri Selangor di dewan yang bersejarah ini. Kita turut memanjatkan doa agar Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar yang sepatutnya hadir bersama-sama kita pada pagi ini diberikan kesembuhan dan dapat menjalankan tugasannya seperti biasa.
2. Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Jamaliah Jamaluddin kerana sudi hadir pada Majlis perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini **usai dilantik sebagai Exco yang bertanggungjawab mengenai alam sekitar yang baru.**
3. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara (HASN) kepada semua yang hadir dan juga kepada rakyat negeri Selangor secara amnya.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Tanggal 21 Oktober setiap tahun telah terpasteri sebagai salah satu momen penting yang dikenali sebagai “perayaan alam sekitar” dan ia tercetus susulan Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar pada bulan Oktober 1989. Pada tahun ini, sambutan HASN masih mengekalkan tema **“Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”** yang menterjemahkan aspirasi yang sangat tinggi agar semua lapisan masyarakat dapat bersama-sama menjaga alam sekitar, tanpa mengira peranan masing-masing tidak kira besar ataupun kecil.

5. Sempena sambutan HASN 2023 Peringkat Negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor telah menjalankan 17 Program meliputi:
 - i) Program penanaman pokok dengan 1500 pokok berjaya ditanam
 - ii) 5 program pengumpulan e-waste
 - iii) 3 program Kutip Sampah Sambil Riadah (KUDAH)
 - iv) 3 program bengkel/ latihan
 - v) 3 pertandingan bertemakan alam sekitar
 - vi) 1 program *plastic busters*

Program-program tersebut dijayakan melalui penyertaan aktif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), institusi pendidikan, pihak swasta dan Rakan Strategik Alam Sekitar. **Semoga usaha-usaha murni ini dapat melahirkan masyarakat yang lebih cakna tentang pencegahan pencemaran serta pemuliharaan alam sekitar dan akhirnya menjadikan penjagaan alam sekitar sebagai sebahagian budaya hidup lestari.**

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Secara jujurnya, saya sangat menghargai kerjasama yang sebegini yang mana ia melambangkan semangat kebersamaan dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar seterusnya menjadikan Malaysia sebuah negara yang menzahirkan pembangunan secara mapan. Kita dapat lihat pada hari ini, wakil-wakil daripada pihak kerajaan, pihak industri dan korporat, pihak universiti dan sekolah sama-sama hadir dengan tujuan yang sama iaitu demi kelestarian alam sekitar.

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan, para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada dif-dif jemputan yang hadir, barisan urusetia pengajur daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN), Rakan Strategik Alam Sekitar dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan majlis pada pagi ini berjalan lancar dan mencapai objektifnya.
8. Sebagai penutup bicara, izinkan saya membaca serangkap pantun yang berbunyi;

Buah nangka, buah bidara
Ulam raja enak dimakan
Bumi kita harus dipelihara
Anugerah terindah ciptaan tuhan

9. Semoga majlis pada pagi ini berjalan lancar dan diberkati.

SELAMAT MENYAMBUT HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2023,

ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA “

Sekian, terima kasih.